

02 DEC 1998

Mahathir-Pekerja

MAJIKAN HARUS HARGAI KESEDERHANAAN PEKERJA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata majikan harus menghargai sikap kesederhanaan dan bertanggungjawab pekerja Malaysia dan di mana mampu mereka hendaklah melayani tuntutan pekerja.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata memandangkan faktor ketidaktentuan ekonomi dan keuntungan, upah tidak perlu dinaikkan jika tidak ada kemampuan.

"Tetapi elaun yang tidak tetap patutlah dipertimbangkan. Sebagai majikan kerajaan juga akan bersikap demikian." katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) ke-21 di sini.

Dr Mahathir berkata, beliau amat gembira kerana kesatuan sekerja dan pekerja di Malaysia amat berhati-hati apabila mengguna senjata mogok dan tindakan perusahaan semasa kegawatan ekonomi sekarang.

"Tidak ada mogok dan tidak ada tuntutan yang bukan-bukan dibuat oleh kesatuan sekerja," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kesatuan sekerja dan golongan pekerja perlu menggubal pendekatan lain untuk menyelamatkan diri daripada ancaman pedagang mata wang dan pelabur jangka pendek yang disifatkannya sebagai kapitalis moden yang "lebih kejam dan ganas dari kapitalis lama".

Katanya, buat sementara waktu pekerja perlu berganding bahu dengan majikan untuk menyelamatkan perniagaan dan ekonomi negara dengan kerjasama kerajaan.

Menurutnya dengan cara ini satu benteng kukuh dapat didirikan untuk menghalang serangan kapitalis moden yang hanya ingin mendapat keuntungan cepat tanpa mempedulikan nasib pekerja.

Dr Mahathir berkata senjata mogok dan tindakan perusahaan yang ada pada kesatuan sekerja tidak berkesan untuk melawan kapitalis moden ini yang jika digunakan juga akan memburukkan lagi nasib pekerja.

"Ini adalah kerana mereka tidak terdedah secara langsung kepada tindakan perusahaan pekerja memandangkan mereka tidak pun berada atau tinggal di negara yang diserang oleh mereka sehingga pekerja menjadi miskin dan menganggur.

Dr Mahathir berkata tidak seperti kapitalis dahulu yang mendirikan kilang dan menggunakan pekerja untuk mengeluarkan barangan, kapitalis zaman ini tidak perlu menggajikan pekerja yang ramai tetapi sebaliknya menggunakan modal dan pinjaman besar untuk membeli dan menjual mata wang asing termasuk ringgit.

"Pekerja mahir yang sedikit ini memang dibayar upah yang tinggi dan mereka tidak mempunyai kesatuan dan tidak perlu mogok.

"Tetapi kerana kerja yang dibuat mereka, puluhan juta pekerja di negara miskin hilang pekerjaan dan menganggur. Inilah kapitalis moden yang mengganti kapitalis dahulu. Mereka lebih kejam dan ganas daripada kapitalis lama," katanya.

Menurutnya lagi, sementara pelaburan asing disambut baik, tetapi pelaburan tempatan adalah lebih kekal dan memberi pulangan lebih banyak.

Dr Mahathir berkata keuntungan tidak harus dibahagi kesemuanya kepada pemilik saham atau pihak lain kerana sebahagiannya hendaklah diasingkan untuk dilabur semula. "Dengan cara ini, ekonomi negara akan dapat dipulih semula dan dikembangkan."

Katanya walaupun Cuepacs merupakan kesatuan sekerja kakitangan

kerajaan, ia juga terlibat dalam usaha membangunkan ekonomi dan meningkatkan eksport melalui pentadbiran yang cekap dan teratur.

Dr Mahathir berkata kelambatan atau kurang cekapnya khidmat kerajaan akan menambah kos pengeluaran barangan untuk pasaran tempatan atau eksport manakala khidmat yang pantas dan cekap akan mengurangkan kos ke arah harga barangan yang murah dan inflasi rendah.

"Dengan itu ekonomi akan cepat pulih dan apabila ekonomi pulih, sudah tentu tuntutan pekerja akan mendapat layanan sewajarnya," katanya.

Menurutnya daya pengeluaran dan produktiviti hendaklah ditingkatkan melalui kerjasama dan kecekapan pengurusan dan pekerja.

Dr Mahathir juga berharap pemilihan anggota jawatankuasa baru Cuepacs tidak melibatkan sogokan bagi mendapatkan sokongan seperti yang berlaku dalam parti-parti politik. "Amatlah malang jika yang berjaya ialah yang mampu sahaja."

-- BERNAMA

MAM RON